



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 22 JANUARI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENGUKUHAN SEKURITI MAKANAN PROSES BERTERUSAN: RONALD, SH -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	KPDNHEP, MAFI BEKERJASAMA BAWA BEKALAN AYAM IMPORT UNTUK STABILKAN HARGA PASARAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LAIN-LAIN
3.	PENIAGA MAKANAN BOLEH NAIK HARGA TAPI JANGAN MELAMPAU, HM -ONLINE	
4.	BOLEH NAIKKAN HARGA MAKANAN ASAL TIDAK TERLAMPAU TINGGI, BH -ONLINE	
5.	BOLEH NAIK HARGA DENGAN SYARAT TIADA UNSUR CATUT, BH -ONLINE	
6.	BOLEH NAIK HARGA, HM -ONLINE	
7.	PENIAGA BOLEH NAIKKAN HARGA MAKANAN ASALKAN TIDAK MELAMPAU, SH -ONLINE	
8.	'BOLEH NAIK HARGA, JANGAN MENCATUT, KOSMO -ONLINE	
9.	PENIAGA MAKANAN DIBERNARKAN MENAIKKAN HARGA, UTUSAN SARAWAK -ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2022	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pengukuhan sekuriti makanan proses berterusan: Ronald



Ronald ketika berucap pada Majlis Amanat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) di ibu negara pada Jumaat.

KUALA LUMPUR - Malaysia akan terus berusaha meningkatkan kedudukan dalam Indeks Sekuriti Makanan Global atau Global Food Security Index (GFSI) kata, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee.

Beliau berkata, ini kerana pengukuhan sekuriti makanan negara merupakan proses yang berterusan.

"Untuk rekod, GFSI yang dikeluarkan The Economist Intelligence Unit (EIU) pada tahun 2021, menunjukkan Malaysia berada di kedudukan ke-39 dalam kalangan 113 negara seluruh dunia.

"Kedudukan Malaysia dalam kalangan negara-negara Asia Pasifik adalah lapan terbaik manakala kedua terbaik dalam kalangan negara-negara Asia Tenggara selepas Singapura.

"Namun begitu, pengukuhan sekuriti makanan negara merupakan proses berterusan, dan kita mestilah terus berusaha untuk meningkatkan kedudukan dalam GFSI ini seiring dengan hasrat kerajaan untuk terus memperkasa sektor agromakanan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12)," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), di sini pada Jumaat.

Jelas beliau, kerajaan amat komited dalam memperkukuhkan sektor agromakanan negara dengan menambah lagi usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik, perluasan adaptasi teknologi moden serta mengurangkan kebergantungan kepada keperluan import, sekali gus untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.

Katanya, sekuriti makanan merupakan antara aspek yang diberi perhatian khusus oleh kerajaan dan hal ini jelas diperlihatkan menerusi penubuhan Jawatankuasa Kabinet Sekuriti Makanan Negara (FSCC).

"Semenjak penubuhan FSCC ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk merapatkan jurang yang dikenalpasti dalam sistem makanan negara, khususnya bagi memastikan kelangsungan bekalan makanan yang cukup, selamat, bernutrisi dan mampu beli secara berterusan oleh rakyat.

"Penglibatan wakil kerajaan negeri dalam Jawatankuasa Eksekutif Sekuriti Makanan Negara serta cadangan penubuhan Jawatankuasa Sekuriti Makanan Negara Peringkat Negeri juga menunjukkan kerjasama erat antara kerajaan negeri dan kerajaan Persekutuan dalam menangani isu-isu berkaitan sekuriti makanan negara," katanya.

Pada masa sama, Ronald yakin banyak lagi kejayaan yang mampu dicapai MAFI pada masa akan datang.

"Ini termasuklah Skim Takaful Agromakanan, Pusat Sehati Kuarantin Negara (One Stop Quarantine Centre), Pelabuhan Tuna, Peningkatan SSL untuk subsektor kritikal, aplikasi teknologi, penumpuan terhadap penanaman jagung untuk mengurangkan import makanan ternakan dan kelapa.

"Selain itu, kaedah baru pegimportan untuk daging sejuk beku, edagang untuk industri hiliran, integrasi data, beralih ke arah subsidi output, keterbukaan terhadap varieti padi dari luar, dan lain-lain, boleh kitacapai dalam tahun-tahun akan datang," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 yang sepatutnya diadakan pada 21 hingga 23 Disember lalu terpaksa ditangguhkan kerana mengambil kira kejadian bencana banjir yang melanda negara.

Justeru, tarikh baharu HPPNK akan disesuaikan semula dengan mengambil kira tarikh pelaksanaan MAHA 2022.



22 JAN, 2022

KPDNHEP, MAFI bekerjasama bawa bekalan ayam import untuk stabilkan harga pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

KPDNHEP, MAFI bekerjasama bawa bekalan ayam import untuk stabilkan harga pasaran

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membawa bekalan ayam import bagi menstabilkan harga pasaran.

Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid berkata, kenaikan harga ayam yang dijangka berlaku selepas 1 Februari depan tidak semestinya betul, namun rakyat perlu bersedia menghadapinya.

"Apa yang telah dilaksanakan Kementerian, kita adakan hubungan rapat dengan MAFI untuk membawa bekalan ayam import ke dalam negara.

"Setakat ini, saya difahamkan MAFI telah mengeluarkan lebih daripada 20 permit import (AP) untuk mengimbangkan harga dalam pasaran.

"Saya harap masalah harga ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat ini," katanya kepada pemberita ketika lawatan meninjau pelaksanaan



PERJELAS: Rosol bercakap kepada pemberita di Pasar Komuniti Stutong, Kuching semalam.

dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong di sini semalam.

Dalam pada itu, harga siling ayam sehingga 1 Februari adalah RM9.10 sekilogram di peringkat peruncit.

Bagaimanapun, katanya, harga ini akan dikaji semula kerana terdapat keluhan daripada penternak bahawa harga yang ditetapkan itu

menekan mereka.

"Sebab itu kita adakan libat urus bersama industri kerana kita mahu menjaga peniaga dan pengguna.

"Kita mahu peniaga berniaga dengan etika dan pengguna tidak teraniaya," katanya.

Mengenai SHMKM, Rosol berkata, daripada tinjauan di Pasar Komuniti Stutong semalam, beliau berpuas hati dengan pematuhan oleh peniaga.

SHMKM telah dimulakan sejak 7 Disember 2021 dan berkuat kuasa sehingga 1 Februari ini melibatkan 12 jenis barangan asas kegunaan rakyat.

Antara barang yang disenarai di bawah SHMKM ialah ayam hidup, ayam standard, ayam super, telur ayam gred A, B dan C, kacang panjang, cili merah, tomato, sawi, kobis bulat import dan timun.

Hadir sama pada tinjauan itu Pengarah Penguatkuasaan KPDNHEP Azman Adam dan Datuk Bandar Kuching Selatan Dato Wee Hong Seng.



22 JAN, 2022

KPDNHEP, MAFI bekerjasama bawa bekalan ayam import untuk stabilkan harga pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk membawa bekalan ayam import bagi menstabilkan harga pasaran. Timbalan Menteri KPDNHEP Datuk Rosol Wahid berkata, kenaikan harga ayam yang dijanga berlaku selepas 4 Februari depan tidak semestinya betul, namun rakyat perlu bersedia menghadapinya. "Apa yang telah dilaksanakan kementerian, kita adakan hubungan rapat dengan MAFI untuk membawa bekalan ayam import ke dalam negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2022	HARIAN METRO	ONLINE	

Peniaga makanan boleh naik harga tapi jangan melampau [METROTV]



Kuching: Peniaga makanan boleh menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tidak mengaut keuntungan terlalu tinggi sehingga membebankan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kebenaran itu diberikan berikutan ramai peniaga kini berdepan

beban apabila harga bahan mentah semakin meningkat.

Menurutnya, berikutan itu peniaga harus memastikan kenaikan harga jualan mereka itu adalah munasabah dan tidak membebankan pengguna.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta mereka agar tidak menaikkan harga barang secara mendadak.

"Kita juga hendak memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana harga bahan mentah sudah meningkat sebab itu mereka boleh menaikkan harga tetapi tidak ada unsur mencatut iaitu janganlah mengaut keuntungan terlampau tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini, hari ini.

Turut hadir, Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng.

Menurutnya, kebenaran itu diberikan selepas pihaknya mengkaji memang ada keperluan untuk menaikkan sedikit harga barangan kerana KPDNHEP bertanggungjawab untuk menjaga semua pihak termasuk peniaga dan pengguna.

Mengenai kenaikan harga ayam yang diramal meningkat selepas SHMKM tamat 4 Februari ini, Rosol berkata, pihaknya sudah bersedia untuk menanganinya termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran.

Menurutnya, pihaknya bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) untuk meningkatkan bekalan dengan membawa ayam import.

"Mafi sudah mengeluarkan 20 permit import (AP) untuk menyelesaikan masalah bekalan seterusnya mengawal harga ayam di pasaran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/1/2022	BERITA HARIAN	ONLINE	

Boleh naikan harga makanan asal tidak terlampau tinggi



KUCHING: Peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat, tiada sebarang unsur mencatut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata, kebenaran itu diberi berikutan ramai peniaga kini

berdepan masalah susulan harga bahan mentah yang semakin meningkat.

Justeru katanya, peniaga harus memastikan kenaikan harga barang jualan mereka itu adalah munasabah dan tidak membebankan pengguna.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta mereka agar tidak menaikkan harga barang secara mendadak.

"Kita juga hendak memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana harga bahan mentah sudah terlalu meningkat sebab itu mereka boleh menaikkan harga tetapi tidak ada unsur mencatut iaitu janganlah mengaut keuntungan terlampau tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng.

Menurutnya lagi, kebenaran itu diberikan selepas pihaknya mengkaji memang ada keperluan untuk menaikkan sedikit harga barangan kerana menjadi tanggungjawab KPDNHEP untuk menjaga semua pihak, peniaga dan pengguna.

Mengenai kenaikan harga ayam yang diramal meningkat selepas SHMKM tamat 4 Februari ini, Rosol berkata, pihaknya sudah bersedia untuk menanganinya termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran.

Menurutnya, pihaknya sudah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan bekalan dengan membawa ayam import.

"MAFI pun sudah mengeluarkan 20 permit import (AP) untuk menyelesaikan masalah bekalan seterusnya mengawal harga ayam di pasaran.

Mengenai isu Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), beliau berkata, ia sudah dibawa dalam mesyuarat Kabinet dan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) diminta membuka lebih banyak lorong Touch N Go (TnG) dan SmartTAG bagi memastikan kelancaran pembayaran.

22 JAN, 2022

Boleh naik harga dengan syarat tiada unsur catut

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Boleh naik harga dengan syarat tiada unsur catut

Kebenaran diberi berikutan peniaga berdepan kenaikan harga bahan mentah

Oleh Mohd Roji Kawi dan Suzalina Halid
bhnews@bh.com.my

Kuching: Peniaga makanan kini dibenar untuk menaikkan harga jualan masing-masing dengan syarat memastikan tiada sebarang unsur mencatut atau mengaut keuntungan yang terlampau tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kebenaran itu diberi berikutan ramai peniaga makanan kini berdepan masalah susulan peningkatan harga bahan mentah.

Justeru katanya, peniaga harus memastikan kenaikan harga barang jualan mereka itu adalah munasabah dan tidak membahayakan pengguna.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta mereka agar tidak menaikkan harga barang secara mendadak.

"Kita juga hendak memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana harga bahan mentah sudah terlalu meningkat sebab itu mereka boleh menaikkan harga tetapi tidak ada



Rosol (dua dari kanan) ketika mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, Kuching, semalam.

(Foto Nadim Bekhan/BH)

unsur mencatut iaitu jangalah mengaut keuntungan terlampau tinggi," katanya.

Bekas berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini semalam.

Yang turut hadir, Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adnan serta Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng.

Rosol berkata, kebenaran itu diberikan selepas pihaknya mengkaji terdapat keperluan untuk menaikkan sedikit harga barangan kerana menjadi tanggungjawab KPDNHEP untuk menjaga semua pihak, peniaga dan pengguna.

Mengawai kenaikan harga ayam yang diramal meningkat selepas SHMKM tahun 4 Februari ini, Rosol berkata, pihaknya sudah bersedia menanganinya termasuk menaubah kuantiti ayam di pasaran.

Bekas berkata, pihaknya sudah bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan In-

dustri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan bekalan dengan membawa ayam import.

"MAFI pun sudah mengeluarkan 20 permit import (AP) untuk menyelesaikan masalah bekalan selertusnya mengawal harga ayam di pasaran," katanya.

Mengenai isu Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), katanya, ia sudah dilawa dalam mesyuarat Kabinet dan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) diminta membuka lebih banyak lorong Touch N Go (TnG) dan SmartTAG bagi memastikan kelancaran pembayaran.



22 JAN, 2022

Boleh naik harga dengan syarat tiada unsur catut

[Berita Harian, Malaysia](#)

Page 2 of 2

SUMMARIES

Kebenaran diberi berikutan peniaga berdepan kenaikan harga bahan mentah

Kuching: Peniaga makanan kini dibenar untuk menaikkan harga jualan masing-masing dengan syarat memastikan ti - ada sebarang unsur mencatut atau mengaut keuntungan yang terlampau tinggi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata kebenaran itu diberi berikutan ramai peniaga makanan kini berdepan masalah susulan peningkatan harga bahan mentah.

22 JAN, 2022

BOLEH NAIK HARGA

Harian Metro, Malaysia

Page 1 of 2

MENTERI BERI 'LAMPU HIJAU'**BOLEH NAIK HARGA****Kuching**

Susulan harga barangan mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, semalam.

Beliau berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada peniaga mengatakan barang makanan yang dijual mereka terpaksa dinaikkan harga kerana barang mentah yang mereka terima hari ini sudah terlalu tinggi.

"Mereka (peniaga) boleh menaikkan harga, tetapi keuntungan yang dapat tidak boleh terlalu tinggi. Peniaga memang mahu untung tapi janganlah melampaui keuntungan yang sebenarnya.

"Kita lakukan sesi libat urus dan di Kementerian kita menjaga dari sudut perdagangan serta pengguna. Kita mahu peniaga berniaga dengan beretika dan pengguna tidak teraniaya," katanya.

Rosol berkata demikian



ROSOL (empat dari kanan) meninjau pelaksanaan SHMKM di Pasar Komuniti Stutong. - Gambar NSTP/NADIM BOKHARI

selepas meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong yang bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.

Turut hadir, Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya

Kuching Selatan, Datuk Wee Hong Seng.

Sementara itu, bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam yang dijangka timbul selepas SHMKM tamat, Rosol berkata, KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mengeluarkan-

kan lebih daripada 20 Permit Kelulusan (AP) untuk mengimbangkan harga dalam pasaran.

Mengenai SHMKM, Rosol berkata, kerajaan akan menilai semula kedudukan harga barang dan inflasi berdasarkan input dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), Kementerian Kewangan dan Mafi sebelum memutuskan sama ada untuk melanjutkan skim itu atau sebaliknya. - Bernama

**Pelaksanaan
SHMKM bermula sejak
7 Disember lalu hingga
4 Februari depan**



22 JAN, 2022

BOLEH NAIK HARGA

Harian Metro, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES**MENTERI BERI 'LAMPU HIJAU'**

Ku c h i n g Susulan harga barangan mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwa Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid, s e m a l a m .



22 JAN, 2022

Peniaga makanan boleh naikkan harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 3

PENIAGA BOLEH NAIKKAN HARGA MAKANAN ASALKAN TIDAK MELAMPAU

SUSULAN harga barangan mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada para peniaga yang mengatakan harga makanan yang dijual terpaksa dinaikkan kerana harga barang mentah yang terlalu tinggi.





22 JAN, 2022

Peniaga makanan boleh naikkan harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 3

Peniaga makanan boleh naikkan harga

Dengan syarat tiada kenaikan melampau

KUCHING

Susulan harga barangan mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur menacut, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid.

Beliau berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada para peniaga yang mengatakan barang makanan yang dijual mereka terpaksa dinaikkan harga, kerana barangan mentah yang mereka terima hari ini sudah terlalu tinggi.

“Mereka (peniaga) boleh menaikkan harga, tetapi keuntungan yang dapat tidak boleh terlalu tinggi. Peniaga memang mahu untung tapi janganlah melampaui keuntungan yang sebenar.

“Kita lakukan sesi libat urus dan di kementerian kita menjaga dari sudut perdagangan dan pengguna. Kita mahu peniaga berniaga dengan beretika dan pengguna tidak teraniaya,” katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.



Rosol (tiga, kiri) menyampaikan risalah ketika meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, Kuching yang telah bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.



Rosol berkata demikian selepas meninjau pelaksanaan dan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong yang telah bermula sejak 7 Disember lalu sehingga 4 Februari depan.

Turut hadir Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP Azman Adam dan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan Datuk Wee Hong Seng.

Sementara itu, bagi menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam yang dijangka timbul selepas

SHMKM tamat, Rosol berkata KPDNHEP dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), telah mengeluarkan lebih daripada 20 Permit Kelulusan (AP) untuk mengimbangkan harga dalam pasaran.

Mengenai SHMKM, Rosol berkata kerajaan akan menilai semula kedudukan harga barang dan inflasi berdasarkan input dari Jabatan Statistik Malaysia (DOSM), Kementerian Kewangan dan MAFI, sebelum memutuskan sama ada untuk melanjutkan skim itu atau sebaliknya.

- Bernama



22 JAN, 2022

Peniaga makanan boleh naikkan harga

Sinar Harian, Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

PENIAGA BOLEH NAIKKAN HARGA MAKANAN ASALKAN TIDAK MELAMPAU SUSULAN harga barangan mentah yang semakin meningkat, peniaga makanan dibenarkan untuk menaikkan harga jualan mereka dengan syarat tiada sebarang unsur mencatut. Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, terdapat keluhan dan rungutan daripada para peniaga yang mengatakan harga makanan yang dijual terpaksa dinaikkan kerana harga barang mentah yang terlalu tinggi.

22 JAN, 2022

`Boleh naik harga, jangan mencatut`



Kosmo, Malaysia

Page 1 of 1

'Boleh naik harga, jangan mencatut'

*Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP

KUCHING - Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid menegaskan para peniaga boleh menaikkan harga jualan asalkan tidak membebankan pengguna.

Bellau berkata, kebenaran itu diberikan susulan ramai peniaga turut terbeban dengan kenaikan harga bahan mentah.

"Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta agar mereka tidak menaikkan harga secara mendadak.

"Kita juga mahu memastikan peniaga tidak mengalami kerugian kerana kenaikan harga bahan mentah. Sebab itu mereka boleh menaikkan harga tetapi tidak ada unsur mencatut," tambahnya.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan tinjauan sempena pelak-



PENIAGA dibenarkan menaikkan harga barang selagi tiada unsur pencatutan. - GAMBAR HIASAN

Sertaani Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong, di sini semalam.

Tambah Rosol, kebenaran itu juga diberikan susulan kajian dilakukan oleh pihaknya yang mengesan keperluan untuk menaikkan harga barang serta menjadi tanggungjawab Kementerian untuk menjaga semua pihak termasuk peniaga dan pengguna.

"Kementerian juga sudah bersedia untuk menangani kenaikan harga ayam yang diramalkan akan berlaku selepas SHMKM tamat 4 Februari ini.

"Ia juga termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran di mana untuk itu, pihak Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan untuk meningkatkan bekalan dengan membawa masuk ayam import," tambahnya.



22 JAN, 2022

Peniaga makanan dibenarkan menaikkan harga

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Peniaga makanan dibenarkan menaikkan harga

.....
SYAMIMI HUSNA

KUCHING: Peniaga makanan dibenarkan menaikkan harga barangan susulan kenaikan harga barangan mentah yang semakin meningkat baru-baru ini.

Perkara itu dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Rosol Wahid kepada pemberita selepas melakukan lawatan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong di sini, semalam.

Beliau berkata, ia disebabkan keluhan dan rungutan yang

diterima daripada peniaga berhubung harga barang mentah yang sudah terlalu tinggi hingga menyebabkan mereka terpaksa menaikkan harga jualan.

"Bagaimanapun, peniaga diingatkan supaya menaikkan harga jualan dengan tiada sebarang unsur mencatut, Kita sudah berunding dengan peniaga dan meminta mereka agar tidak menaikkan harga barang secara mendadak.

"Ia bagi memastikan peniaga tidak mengalami kerugian disebabkan peningkatan harga bahan mentah namun, janganlah mengaut keuntungan terlampau tinggi," katanya.

Sementara itu kata Rosol, berhubung kenaikan harga ayam

yang dijangka meningkat setelah SHMKM tamat 4 Februari ini, kementerian sudah bersedia untuk menangani masalah itu termasuk menambah kuantiti ayam di pasaran.

Jelas beliau lagi, KPDNHEP juga bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk meningkatkan bekalan ayam selain menstabilkan harga di pasaran.

Malah setakat ini, MAFI telah mengeluarkan 20 permit import (AP) untuk menyelesaikan masalah bekalan seterusnya mengawal harga ayam di pasaran.

Dalam pada itu, beliau turut berpuas hati dengan pematuhan harga yang dikenakan peniaga di Pasar Komuniti

Stutong selain mendedahkan peningkatan kos makanan ayam seperti jagung dan kacang soya menyebabkan punca kenaikan harga ayam secara mendadak.

"Berhubung isu Identifikasi Frekuensi Radio (RFID), ia sudah dibawa dalam mesyuarat Kabinet dan Lebuh Raya Utara Selatan (PLUS) diminta membuka lebih banyak lorong Touch N Go (TnG) dan SmartTAG bagi memastikan kelancaran pembayaran," katanya.



TINJAU... Dato Rosol Wahid melakukan tinjauan sempena pelaksanaan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong. Turut kelihatan, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Datuk Wee Hong Seng.



22 JAN, 2022

Peniaga makanan dibenarkan menaikkan harga

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Peniaga makanan dibenarkan menaikkan harga barangan susulan kenaikan harga barangan mentah yang semakin meningkat baru-baru ini. Perkara itu dimaklumkan oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Dato Rosol Wahid kepada pemberita selepas melakukan lawatan pematuhan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) di Pasar Komuniti Stutong di sini, semalam.